

→ PENDIDIKAN

Peserta Empower ECER cemerlang PT3

BERITA HARIAN PENDIDIKAN / 24 DIS 2016 M/S 30

→ Kepayahan, kesusahan keluarga jadi motivasi

Oleh Shahrinnahar Latib
bhnews@bh.com.my

► Kuantan

Kepayahan dalam kehidupan bukan penghalang peserta Program Empower Akademik Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) membuktikan kemampuan memperoleh keputusan cemerlang dalam Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3).

Kegigihan dan ketabahan berdepan pelbagai cabaran hidup, menjadi motivasi kepada mereka, termasuk Nur Ain Farah Adilah Anazim, 15, yang memperoleh +10A dalam semua mata pelajaran

yang diambil.

Anak pengawal keselamatan itu berkata, keputusan yang diperoleh itu adalah hadiah istimewa untuk ibu bapanya, walaupun keputusan peperiksaan percubaan PT3 beliau hanya mendapat 3A.

“Berkat dorongan ibu bapa dan menyertai Program Empower Akademik ECER banyak membantu saya dalam mencapai keputusan peperiksaan PT3 dengan lebih cemerlang,” katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Bantuan ECERDC, UMP

Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Datuk Mahmud Mat, Pekan itu berterima kasih kepada Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECERDC) dan **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** kerana membantu golongan berpendapatan rendah sepertinya berjaya dalam akademik.

Sementara itu, Syasya Aqilah Abdul Razak, 15, yang memperoleh keputusan 9A 1B berkata, Program Empower Akademik ECER banyak

membantunya mempelajari teknik menjawab soalan peperiksaan daripada guru jemputan.

“Saya juga berharap kejayaan ini menjadi titik permulaan untuk mengubah nasib keluarga saya kepada keadaan yang lebih baik.

“Kemiskinan tidak boleh dijadikan alasan untuk berputus asa demi memastikan dirinya sentiasa hadapan dan untuk lebih berjaya demi membantu keluarga,” katanya yang juga pelajar SMK Datuk Mahmud Mat, Pekan.

Pelajar SMK Astana, Nur Farhana Azahar, 15, pula berkata modul Program Guru Pakar Luar berkaitan teknik dan tips oleh guru daripada sekolah lain turut membantunya mendapat keputusan 8A dan 2B.

“Walaupun pendapatan keluarga tidak menentu, ia bukan penghalang kepada saya untuk lebih berjaya, terutama dalam peperiksaan PT3.

“Hasilnya sangat membanggakan pihak sekolah dan keluarga saya. Terima kasih Empower ECER,” katanya.



[FOTO SHAHRINNAHAR LATIB/BH]

Nur Ain Farah Adilah (kanan) dan Syasya Aqilah menunjukkan keputusan PT3 masing-masing.